

9 November 2011

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL 2/2011

Semua Dekan / Ketua Jabatan

Universiti Malaysia Pahang

Asslamualaikum wrt. Wbt dan Salam Sejahtera

YH Prof. Dato'/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan

**TAMBAHAN KAEDAH PELUPUSAN TATACARA PENGURUSAN ASET
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tambahan kaedah pelupusan Tatacara Pengurusan Aset Universiti Malaysia Pahang (UMP).

2. TAMBAHAN KAEDAH PELUPUSAN

2.1 Mengikut Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti dan Pekeliling Perbendaharaan bil 5 Tahun 2007 Tatacara Pengurusan Aset telah menetapkan bahawa kaedah pelupusan harta adalah seperti berikut:-

- a) Jualan secara :-
 - i. Tender
 - ii. Sebuttharga
 - iii. Lelong
- b) Jualan Sisa
- c) Tukar barang (barter trade)
- d) Tukar beli (trade in)
- e) Pindahan
- f) Hadiah
- g) Musnah secara :-
 - i. Ditanam
 - ii. Dibakar
 - iii. Dibuang
 - iv. Ditenggelam
- h) Kaedah lain yang difikirkan sesuai

2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti bil 6/2011 bertarikh 30 September 2011 telah meluluskan bahawa selain dari kaedah pelupusan yang dinyatakan di para 2.1 di atas, kaedah berikut juga diterimapakai sebagai kaedah pelupusan harta di Universiti Malaysia Pahang:-

- a) Jualan kepada staf dan pelajar UMP
- b) Jualan terus kepada syarikat yang membeli barang-barang lusuh

3. KAEDAH PELUPUSAN JUALAN KEPADA STAF DAN PELAJAR UMP

3.1 Syarat jualan kepada staf dan pelajar ini terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu:

- a) Jualan Secara Runcit dan Pukul kepada staf dan pelajar UMP yang melibatkan harta perabot, besi dan logam, peralatan / perkakasan komputer dan peralatan makmal seperti di Lampiran 1.

- b) Jualan Secara Sebutharga kepada staf dan pelajar UMP yang melibatkan harta kenderaan seperti di Lampiran 2.

4. KAEDAH PELUPUSAN JUALAN TERUS KEPADA SYARIKAT YANG MEMBELI BARANG LUSUH

4.1 Jualan terus kepada syarikat yang membeli barang lusuh hanya boleh dilakukan selepas opsiyen jualan kepada staf dan pelajar telah dilaksanakan di mana baki barang yang tidak terjual akan dijual terus kepada syarikat yang ingin membeli barang tersebut.

4.2 Urusetia pelupusan akan mengenalpasti syarikat – syarikat yang membeli barang lusuh terutama di sekitar Kuantan, Pahang. Harga tertinggi yang ditawarkan oleh syarikat yang ingin membeli barang tersebut akan diterima. Laporan jualan akan diberikan kepada Pengerusi Mesyuarat Berkuasa Pelupusan Universiti.


4.3 Syarikat perlu mengambil sendiri barang-barang dari tempat simpanan dan semua perbelanjaan bagi mengangkut aset dan barang akan ditanggung oleh pembeli sendiri.

TARIKH KUATKUASA

- 5. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa dari tahun 2011.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari

Universiti Malaysia Pahang

9 November 2011

s.k. Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Pendaftar

JUALAN SECARA RUNCIT DAN PUKAL KEPADA STAF DAN PELAJAR UMP

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN JUALAN

- (i) Jualan aset dan barang-barang pelupusan dibuka kepada semua staf dan pelajar Universiti Malaysia Pahang sahaja.
- (ii) Staf dan pelajar dimestikan membawa kad staf / pelajar masing-masing ketika menyertai jualan.
- (iii) Pembeli perlu mengambil sendiri barang-barang dari tempat simpanan dan seterusnya dibawa ke kaunter jualan untuk pengesahan pihak urusetia.
- (iv) Segala bayaran hendaklah dijelaskan sepenuhnya pada hari jualan di kaunter. Jualan adalah berdasarkan konsep '*cash and carry*' (beli dan bawa).
- (v) Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
- (vi) Jabatan Bendahari UMP tidak akan bertanggungjawab ke atas barang yang dibeli dan sebarang kerosakan, kehilangan dan sebagainya ke atas aset dan barang selepas barang dijual.
- (vii) Barang yang dibeli tidak boleh dipulangkan dan bayaran tidak akan dikembalikan.
- (viii) Semua perbelanjaan bagi mengangkut aset dan barang hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
- (ix) Pembeli hendaklah mengisi nama penuh, no. Staf pada borang jualan yang disediakan semasa hari jualan atau cetak borang yang telah dimuat naik ke fail bank.

JUALAN SECARA SEBUTHARGA KEPADA STAF DAN PELAJAR UMP
(BAGI KATEGORI KENDERAAN)

1. Sebutharga hendaklah dipelawa dan terhad kepada semua staf dan pelajar Universiti Malaysia Pahang.
2. Kenyataan Tawaran Sebutharga seberapa boleh disebarikan dengan meluas dengan menggunakan Borang KEW.PA-24.
3. Tawaran sebutharga hendaklah menggunakan Borang KEW.PA-25.
4. Harga simpanan adalah berdasarkan nilai semasa di Laporan Lembaga Pemeriksa KEW.PA-17 atau nilai yang diluluskan oleh Mesyuarat Berkuasa Pelupusan.
5. Deposit sebutharga sebanyak 10% daripada harga tawaran tertakluk kepada maksima RM5,000 hendaklah disertakan bersama tawaran. Setelah keputusan sebutharga diperolehi, deposit sebutharga akan diselaraskan kepada penyebut harga yang berjaya atau dikembalikan kepada penyebut harga yang gagal.
6. Tawaran hendaklah dikemukakan dengan menggunakan sampul berlakri dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga Jabatan sebelum tarikh dan waktu yang ditetapkan. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
7. Sebutharga hendaklah dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga pada tarikh dan waktu yang ditetapkan.
8. Jawatankuasa Pembuka Sebutharga hendaklah dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal yang berkenaan untuk membuka dan menjadualkan sebutharga. Ahli Jawatankuasa Pembuka Sebutharga hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) pegawai di mana seorang hendaklah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional. Sekiranya ketiadaan pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional, Pegawai Pengawal hendaklah melantik seorang pegawai kanan dari Kumpulan Sokongan I.
9. Jawatankuasa Pembuka Sebutharga hendaklah menyenaraikan semua tawaran yang diterima dengan menggunakan Borang KEW.PA-26 dan menandatangani Jadual Sebutharga tersebut.

10. Jawatankuasa Pembuka Sebutharga hendaklah mengemukakan Jadual Sebutharga kepada Urusetia untuk menilai dan membuat perakuan kepada Jawatankuasa Sebutharga Jabatan untuk pertimbangan dan keputusan selanjutnya.
11. Penyebut harga yang berjaya hendaklah diberitahu dengan serta merta. Sekiranya penyebut harga yang terpilih menolak tawaran, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan. Jawatankuasa Sebutharga hendaklah menimbang tawaran-tawaran lain atau memutuskan pelawaan sebutharga semula.
12. Pemilihan tawaran adalah mengikut harga tertinggi yang ditawarkan dengan penetapan tidak kurang daripada 70% harga simpanan. Harga simpanan adalah berdasarkan nilai semasa di KEW.PA 17.
13. Walaubagaimanapun, bagi harta yang telah habis tempoh jangka hayat dimana nilai semasa RM1.00, maka harga tawaran yang tertinggi akan dipilih.